

Raja Ali Haji: Cendekiawan Ulung dan Pemikir Besar Merentas Zaman

Raja Ali Haji: A Prominent Malay Intellectual Throughout the Ages

HASHIM MUSA & ROZITA CHE RODI

ABSTRAK

Menerokai khazanah bangsa Melayu yang ditinggalkan oleh masyarakat terdahulu akan menemukan kita kepada pelbagai sumber keagungannya. Artikel ini akan menghuraikan sumbangan besar tokoh pemikir ulung terdahulu, iaitu Raja Ali Haji melalui kupasan dua buah karya hebatnya yang menceritakan tentang tradisi pengajian bahasa Melayu berdasarkan maksud dan matlamat pengajian bahasa yang digariskan oleh tradisi pengajian Islam, iaitu Bustan al-Katibin dan Kitab Pengetahuan Bahasa. Bustan al-Katibin dihasilkan ketika beliau berumur kira-kira 40 tahun (1850 M), manakala Kitab Pengetahuan Bahasa siap ditulis kira-kira lapan tahun kemudian (1858 M) walaupun dicetak hanya pada tahun 1927/1929 M, iaitu kira-kira 55/57 tahun sesudah kematian penulisnya yang dianggarkan pada tahun 1872 M. Kedua-dua karya beliau itu mendapat reaksi yang berbeza-beza daripada para pengkaji, terutamanya pengkaji yang berlatarbelakangkan tradisi kesarjanaan Barat. Artikel ini turut mengupas kesan dua buah karya agung itu yang mengikut U.U.Hamidy (1981) telah diterima pakai sebagai teks rujukan dan pengajaran pada penghujung abad kesembilan belas dan awal abad kedua puluh di madrasah dan sekolah di Kepulauan Riau, Johor dan Singapura. Di sinilah letaknya nilai dan harga yang amat tinggi pada kedua-dua buah karya Raja Ali Haji apabila Johor-Riau-Singapura telah mencetuskan kemunculan bibit-bibit pertama karya persuratan Melayu moden pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 dalam bentuk tulisan kreatif dan deskriptif prosa dan puisi. Demi melahirkan manusia Melayu yang berbudi bahasa yang tinggi, beradab sopan dan berbudi pekerti yang mulia, maka Raja Ali Haji dalam Kitab Pengetahuan Bahasa menghuraikan kaedah penyemaian adab dalam sembilan aspek pergaulan dan kegiatan hidup.

Kata kunci: Cendekiawan ulung; karya agung Melayu; Bustan al-Katibin; Kitab Pengetahuan Bahasa

ABSTRACT

Looking into the intellectual treasure of the past Malay society, one will discover several gems of written works which reflected its past greatness. This article will discuss major contribution of one past prominent thinker Raja Ali Haji based on his two works on Malay language namely the Bustan al-Katibin and Kitab Pengetahuan Bahasa, which modelled language studies on Islamic tradition. The Bustan al-Katibin was written by Raja Ali Haji while he was 40 years old in 1840 and the Kitab Pengetahuan Bahasa was written eight years later in 1848 which however was published in 1927-29, about 55-57 after his death estimated to be in 1872. Both his works received diverse commentaries by later scholars especially those who were based on western scholarly traditions. This article will also discussed the impact on Malay intellectual development of the two works, which, according to U.U. Hamidy (1981), were used as text and reference books on Malay language learning by the madrasahs and schools in Riau, Singapore and Johor at the ending of 19th Century and the beginning of 20th Century. Here lies the great contribution of the two works when the first modern Malay literary works, both creative and descriptive in prose and poetic genres, appeared in the region of Johor-Riau-Singapore in the late 19th Century and early 20th Century. In the effort to nurture good language etiquettes, noble character and behaviour, Raja Ali Haji outlined several methods of inculcating such noble values in nine aspects of interaction.

Keywords: Prominent intellectual; great works in Malay; Bustan al-Katibin; Kitab Pengetahuan Bahasa

PENDAHULUAN

Raja Ali Haji ialah seorang ilmuwan, ulama, sasterawan, bahasawan dan sejarawan dunia Melayu dalam abad ke-19 Masihi. Beliau hidup sekitar 1808-1873, cucu kepada Yang Dipertuan Muda Riau Raja Haji yang terbunuh melawan Belanda di

Melaka pada 1748. Pada tahun 1827 dalam usia 19 tahun beliau naik haji bersama dengan ayahandanya Raja Ahmad Engku Haji Tua dan belajar agama dan bahasa Arab di Mekah selama satu tahun. Beliau menjadi penasihat kepada Yang Dipertuan Muda Riau ke-8 Raja Ali bin Raja Jaafar (1845-1857), iaitu saudara sepupunya. Beliau telah bekerjasama

dengan Yang Dipertuan Muda Raja Ali Raja Jaafar dalam mewujudkan di Riau suasana pentadbiran, pengajian dan pengamalan agama Islam yang teguh:

“Raja Ali (Yang Dipertuan Muda) itu mengadakan beberapa perkara yang indah-indah, mendatangkan nama kerajaan yang elok dan agama yang teguh... mendirikan agama Islam, mendirikan (solat) Jumaat, dan memerintahkan perempuan bertudung, dan menyempurnakan berbuat masjid... Dan pada masa Yang Dipertuan Muda Raja Ali inilah banyak ulama yang datang duduk mengajar di Pulau Penyengat, disuruhnya segala pegawai negeri menuntut ilmu perkara agama dan mengaji kitab dan belajar membaiki bacaan *al-Qur'an al-'Azim*. Dan dia (Yang Dipertuan Muda) sendiri pun suka *talabat al-'ilmu*.”

(Virginia Matheson, (ed.) *Tuhfat al-Nafis*, 1982: 341)

Beliau boleh dianggap sebagai pewaris kepada barisan ilmuwan-ulama Melayu tradisional misalnya Ahmad Muhammad Zain al-Fatani (1856-1908), Daud al-Fatani (1740-1847), Arshad al-Banjari (1710-1812), Sheikh Abdul Samad al-Falimbani (1704-1789), Yusuf al-Makassari (1627-1699), Abdul Rauf al-Singkel (1615-1673), Nuruddin al-Raniri (meninggal sekitar 1658) dan Hamzah al-Fansuri (meninggal sekitar 1600).

LATAR BELAKANG DUA BUAH KARYA RAJA ALI HAJI TENTANG BAHASA MELAYU

Buku-buku *Bustan al-Katibin li Sibyan al-Muta'allimin* (*Kitab Perkebunan Juru Tulis bagi Kanak-Kanak Yang Hendak Belajar*) dan *Kitab Pengetahuan Bahasa: Kamus Loghat Melayu Johor, Pahang, Riau dan Lingga* merupakan dua buah karya yang paling awal tentang bahasa Melayu yang disusun oleh seorang Melayu, iaitu Raja Ali Haji daripada Pulau Penyengat di Kepulauan Riau. Karya pertama itu tertulis pada tahun Hijrah 1267 (bersamaan dengan tahun Masihi 1850) dan karya keduanya tertulis pada tahun Hijrah 1275 (tahun Masihi 1858) tetapi dicetak kira-kira 69 tahun kemudian, iaitu pada tahun Hijrah 1345 atau tahun Masihi 1927 dan selesai dicetak pada tahun 1929.

Dua buah karya tentang bahasa Melayu oleh Raja Ali Haji ini merupakan warisan yang amat berharga yang menjadi penyambung kepada tradisi pengajian bahasa dalam Islam yang bermula sejak zaman awal Islam lagi. Dalam Islam pengajian bahasa khususnya bahasa Arab dan bahasa-bahasa Islam yang lain, merupakan satu ilmu alat untuk mencapai makrifat, iaitu mengenali Allah dan seluruh kewujudan, memperteguhkan keimanan dan ketakwaan, dan menyemai adab kesopanan

yang mulia, iaitu mengandungi antara lain ilmu-ilmu *nahu* (sintaksis), *saraf* (morfologi), *qawa'id* (tatabahasa), *mantiq* (logik), *balaghah* (retorik), *istidlal* (pendalilan), *kalam* (penghujahan), dan sebagainya. Raja Ali Haji dalam dua buah buku beliau itu telah meletakkan tradisi pengajian bahasa Melayu berdasarkan maksud dan matlamat pengajian bahasa yang digariskan oleh tradisi pengajian Islam itu. Di sinilah letaknya keistimewaan tokoh Raja Ali Haji dalam tradisi persuratan Melayu, yang bukan sahaja merupakan ilmuwan Melayu yang pertama yang menulis tentang pengajian bahasa Melayu, tetapi juga telah meletakkan asas pengajian bahasa Melayu pada tempat yang sebenar, iaitu sebagai ilmu alat untuk memperoleh ilmu yang benar yang akan membawa kepada keyakinan dan ketakwaan.

Raja Ali Haji dengan jelas dan lantang sekali menyatakan bahawa terdapat kaitan yang erat antara kebolehan berbahasa dan adab sopan yang mulia dan ilmu yang tinggi. Tegas beliau dalam *Bustan al-Katibin* (halaman 3):

“Adab dan sopan itu daripada tutur kata juga asalnya, kemudian barulah kepada kelakuan... Bermula apabila berkehendak kepada menurut ilmu dan berkata-kata yang beradab dan sopan, tak dapat tiada mengetahuilah dahulu ilmu yang dua, iaitu *ilmu wa al-kalam* (pengetahuan dan pertuturan). Adapun kelebihan *ilmu wa al-kalam* amat besar sehingganya mengata setengah *hukama'* segala pekerjaan pedang boleh diperbuat dengan *qalam* (pena), adapun pekerjaan *qalam* tiada boleh diperbuat dengan pedang... Ada beberapa ribu dan laksa pedang yang sedang terhunus, dengan segores *qalam* jadi tersarung, terkadang jadi tertangkap dan terikat dengan pedang sekali.”

Tegas beliau lagi dalam Gurindam Dua Belas, fasal yang kelima, iaitu:

Jika hendak mengenal orang berbangsa,
Lihat kepada budi dan bahasa.
Jika hendak mengenal orang berbangsa
Lihat kepada budi dan bahasa
Jika hendak mengenal orang yang berbahagia
Yang memeliharakan yang sia-sia
Jika hendak mengenal orang yang berilmu
Lihatlah kepada kelakuan dia
Jika hendak mengenal orang yang berakal
Di dalam dunia mengambil bekal
.....”

(Gurindam Dua Belas)

Berdasarkan falsafah dan pegangan demikian terhadap peranan dan kedudukan bahasa dalam usaha melahirkan seorang manusia Melayu yang beradab sopan, berakal dan berbudi bahasa yang mulia, dan berilmu yang tinggi, maka Raja Ali Haji telah menghasilkan dua buah karya tentang bahasa Melayu ini. *Bustan al-Katibin* dihasilkan

ketika beliau berumur kira-kira 40 tahun (1850 M), manakala *Kitab Pengetahuan Bahasa* siap ditulis kira-kira lapan tahun kemudian (1858 M) walaupun dicetak hanya pada tahun 1927/1929 M, iaitu kira-kira 55/57 tahun sesudah kematian penulisnya yang dianggarkan pada tahun 1872 M.

Bagi Raja Ali Haji, keturunan dan pangkat yang tinggi tanpa ilmu yang sah, akal budi yang luhur dan adab sopan yang mulia, menjadi sia-sia belaka, seperti kata beliau dalam *Bustan al-Katibin* (hal. 2) "... Jikalau beberapa pun bangsa (keturunan) jika tiada ilmu dan akal dan adab, ke bawah juga jatuhnya." Dan bagi beliau bahasa ialah wahana untuk mencapai matlamat itu, "... kerana adab dan sopan itu daripada tutur kata juga asalnya kemudian barulah kepada kelakuan" (Ibid: 3). Oleh yang demikian dalam bahagian mukadimah *Bustan al-Katibin*, beliau telah menerangkan terlebih dahulu kelebihan ilmu dan akal untuk meletakkan perspektif dan tujuan yang sebenarnya dalam pembelajaran bahasa. Ilmu yang paling penting dan pertama yang harus dipelajari oleh orang Islam ialah ilmu agama Islam, seperti tegas beliau dengan memetik sebuah hadith Rasulullah *sallallahu `alaihi wa sallam* (SAW) "Barang siapa dikehendaki Allah taala kebajikan diberi faham ilmu *al-din* yakni ilmu agama. Kalam inilah yang terlebih dahulu dituntut" (Ibid: 2). Oleh itu, sebelum beliau memulakan penghuraian tentang bahasa Melayu, terlebih dahulu dihuraikan dengan secara terperinci adab dan syarat menuntut ilmu, iaitu sebenarnya merupakan asas teknik dan psikologi pendidikan yang mampu melahirkan seorang Melayu yang bukan sahaja fasih bercakap tetapi juga boleh bercakap dengan budi bahasa dan adab sopan yang mulia dan dengan ilmu yang sah dan benar. Penyemaian dan penzahiran adab dalam diri seseorang merupakan prasyarat untuk menyemaikan ilmu yang benar, kerana adab dan ilmu bertimbal balik dalam membantu dan membimbing seseorang manusia untuk mengenal, mengecam dan mengakui taraf dan hierarki atau martabat ilmu dan kewujudan seluruhnya. Tegasnya, penyemaian adab dalam diri seseorang ialah proses pendidikan yang membawa kepada disiplin bagi jasad, akal dan unsur rohaniahnya, yang dengan itu akan menyediakan manusia itu untuk mencari, memperoleh, mengiktiraf dan mengamalkan pula ilmu yang benar sebagai memenuhi objektif daripada proses pendidikan, iaitu: mengetahui, mengiktiraf, mempraktik dan menghayatinya.

Dengan berdasarkan hakikat adab, ilmu dan pendidikan yang demikian, Raja Ali Haji

menekankan ketertiban dalam segala sesuatu yang membawa kepada ketertiban ilmu, seperti yang diutarakan oleh beliau dalam *Bustan al-Katibin* bahagian tentang surat kiriman, iaitu:

"... Tiap-tiap perkara itu ada yang terlebih besar dan yang kecil, ada yang tinggi ada yang rendah, ada yang mulia ada yang hina, ada yang halus ada yang kasar... Maka didahulukan yang terlebih besar daripada yang kecil, didahulukan yang tinggi daripada yang rendah... Perkara agama lebih tinggi daripada perkara dunia, dan perkara kerajaan lebih tinggi daripada perkara perniagaan... Perkataan buang air besar dan buang air kecil terlebih mulia daripada berak dan kencing, ... dan perkataan tuan hamba lebih halus daripada awak dan lu."

Kaedah menulis surat kiriman, yang diutarakan oleh Raja Ali Haji sebenarnya mengukuh dan mengesahkan darjah ketertiban atau martabat ilmu yang membawa kepada kesahihan dan kebenaran ilmu dalam Islam. Darjah atau martabat yang paling tinggi dalam kewujudan dan kemuliaan ialah Allah *subhanahu wa ta`ala* (SWT), kemudian Rasulullah SAW dan seterusnya ahli keluarga dan sahabat-sahabatnya *radhi Allahu `anhu ajma`in* (r.a), iaitu:

"Bermula perkataan dalam surat perkiriman itu maka hendaklah dimulai dengan bismil-Lahi r-Rahmani r-Rahim, kemudian alhamdulillah-Lah yakni memuji Allah ta`ala pada nama munasabah dan waqi", kemudian selawatkan Nabi kita serta keluarganya dan sahabatnya, kemudian diiringi salam ta`zim... pada orang yang berkiriman surat"

Tertib demikian sebenarnya mengakui dan mengesahkan ilmu yang benar dalam Islam, iaitu meletakkan sesuatu perkara dalam sistem kewujudan pada tempatnya yang wajar dan tepat yang dipatuhi semua oleh penulisan tradisional Islam.

Dalam *Kitab Pengetahuan Bahasa* prinsip yang sama juga telah diterapkan dalam huraian tentang perbendaharaan kata bahasa Melayu, iaitu meletakkan kedudukan sesuatu daripada segi martabat kewujudan, kejadian dan kemuliaan pada tempatnya yang tepat dan wajar. Raja Ali Haji sesudah menghuraikan dengan ringkas nahu bahasa Melayu berdasarkan konsep, istilah dan huraian nahu bahasa Arab, telah menghuraikan pula makna dan penggunaan kosa kota bahasa Melayu, iaitu bermula daripada perkataan yang berhuruf atau berabjad "*alif*" tetapi hanya sehingga yang berabjad "*ca*" sahaja dan tidak sehingga ke akhir abjad, iaitu perkataan yang berabjad "*ya*". Perkataan-perkataan yang terawal yang dihuraikan oleh Raja Ali Haji yang berpangkalan abjad "*alif*" ialah tujuh perkataan utama, iaitu "*Allah, Ahmad, Ashab, Ahbar, Insan, al-Awwali (al-Dunia), Akhirat*", yang sebenarnya merupakan konsep/istilah kunci yang

merujuk kepada ilmu asasi/*fundamental* yang dapat meletakkan pemahaman/pengenalan yang benar terhadap taraf dan kedudukan yang tepat bagi segala sesuatu dalam seluruh kewujudan dan kejadian, iaitu dalam sistem ontologi dan kosmologi Melayu Islam. Seperti kata Raja Ali Haji:

“Apabila mengenal ma`rifat yang tujuh dan pengetahuan yang tujuh serta beriman akan dia, nescaya sempurnalah akal nya dan berbezalah ia dengan binatang pada pihak pengetahuannya.”

(*Kitab Pengetahuan Bahasa*: 49)

Oleh kerana perkataan yang tujuh ini begitu penting kedudukannya dalam bahasa Melayu, maka Raja Ali Haji telah meletakkannya dalam bab yang tersendiri, iaitu Bab Pertama, manakala perkataan yang lain semuanya diletakkan dalam bab-bab yang seterusnya.

Mengikut Raja Ali Haji perkataan yang pertama dan paling utama daripada tujuh perkataan itu ialah “Allah”, iaitu nama zat Tuhan yang maha tinggi yang wajib wujud dengan sifat-sifat-Nya yang maha sempurna, yang merupakan puncak dalam martabat kewujudan yang daripada-Nya segala wujud yang *nisbi*/relatif, iaitu segala makhluk ini, bergantung untuk wujud.

Perkataan yang kedua ialah “Ahmad”, iaitu nama yang lain bagi Nabi Muhammad SAW sebagai Pesuruh/Rasul Allah untuk menyampaikan dan mengajar umat manusia ilmu yang benar daripada Allah SWT iaitu agama Islam yang boleh membawa manusia kepada kebahagiaan dan kejayaan yang hakiki dan berkekalan.

Perkataan yang ketiga ialah “Ashab”, iaitu para Sahabat r.a. Rasulullah SAW yang merupakan masyarakat Islam yang pertama yang menerima dan mengamalkan sepenuhnya segala ilmu yang benar itu, iaitu Islam, supaya menjadi contoh tauladan dalam bentuk prinsip dan lunas-lunas asasi cara hendak mengamalkan Islam kepada generasi yang menuruti mereka sehingga ke akhir zaman.

Perkataan yang keempat ialah “Ahbar”, iaitu semua alim ulama yang muktabar yang menjadi pewaris dan penyebar agama Islam daripada satu generasi ke satu generasi seterusnya.

Perkataan yang kelima ialah “Insan”, iaitu manusia yang dengan hakikat kejadiannya yang mempunyai jasad, akal dan kalbu, merupakan makhluk yang menjadi fokus atau objek yang layak untuk menanggung dan menzahirkan agama Islam di atas dunia ini sebagai satu amanah, dan yang akan menerima balasan yang setimpal daripada pelaksanaan amanat itu di akhirat nanti.

Perkataan yang keenam ialah “al-Awwali” atau “al-Dunia”, iaitu tempat dan satu tahap kehidupan makhluk yang dijadikan oleh Allah SWT untuk menzahirkan “*sunnatullah*” (hukum Allah) dan “*qudratullah*” (kekuasaan Allah) ke atas semua makhluk, dan yang terlebih utama lagi ialah untuk menzahirkan “*shari`atullah*” (hukum syariah Allah) ke atas manusia. Dunia juga merupakan tempat dan waktu di mana segala amal perbuatan manusia dicatat dan sesudah dihisab di akhirat, akan diberi balasan yang setimpalnya.

Perkataan yang ketujuh dan terakhir ialah “Akhirat” yang menurut Raja Ali Haji ialah “kesudah-sudahan bagi pekerjaan manusia dan perjalanan anak Adam”, iaitu bermula daripada keluarnya roh daripada badannya (mati), masuk ke alam *Barzakh* (kubur), kebangkitan di *Mahshar*, penghisaban (*al-mizan*), menyeberangi Titian *Sirat al-Mustaqim*”, dan akhirnya pembalasan dan penempatan yang muktamad, iaitu syurga bagi “*ahl al-sa`adah*” (yang beruntung), dan neraka bagi “*ahl al-shaqawah*” (yang celaka)”.

Demikianlah tujuh perkara yang menjadi asas konsep dan ilmu yang utama yang dikandungi oleh bahasa Melayu yang harus dipelajari dan dimengerti oleh orang Melayu apabila mempelajari bahasanya. Dengan memahami perkara itu, seseorang Melayu Islam akan memperoleh ilmu yang dapat menerangkan dengan tepat letak dirinya sebagai seorang insan dalam hierarki atau martabat kewujudan seluruhnya (*maratib a-wujud*), iaitu konsep ontologi, hierarki atau martabat kejadian dan penciptaan alam semesta (*maratib al-`alam*), iaitu konsep kosmologi dan hierarki atau martabat ilmu pengetahuan (*maratib al-`ulum*), iaitu konsep epistemologi. Umpamanya dengan mempelajari kewujudan Allah SWT melalui sifat-sifatNya, yang dihuraikan sepenuhnya oleh Raja Ali Haji dalam kitab ini, maka seseorang itu akan memahami kewujudan Allah pada martabat Wujud yang tertinggi, iaitu “*wajib al-wujud*”, yang menjadi punca dan sumber pergantungan wujud bagi segala makhluk yang sebenarnya bertaraf “*wujud nisbi* (wujud relatif)”. Dengan demikian seseorang itu akan dapat menzahirkan pengakuan primordial yang dibuat oleh semua manusia semasa berada dalam alam roh seperti yang diisyaratkan dalam al-Quran:

“Apabila Rabb kamu mengeluarkan daripada anak Adam – daripada sulbinya – zuriatnya dan menyuruh mereka menaik saksi terhadap dirinya dengan berkata “Bukankah Aku Rabb kamu?”, mereka berkata “Benar, kami menyaksinya (*shahidna*)...”

(*al-`A`raf*:172)

Ilmu pengetahuan tentang hakikat dan martabat kewujudan Allah SWT yang demikian sebenarnya berkait rapat dan langsung dengan ikrar seorang Muslim dalam kalimah syahadahnya, iaitu “Aku bersaksi (*ashhadu*) bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah”. Oleh itu bagi Raja Ali Haji ilmu yang utama dan pertama yang harus dipelajari oleh orang Melayu Islam tentang perkara yang dikandunginya ialah ilmu tentang Allah SWT. Prinsip ini meletakkan tujuan utama dalam pengajian ilmu bahasa (iaitu mengikut Raja Ali Haji dengan menurut pendapat Iman al-Ghazali,) yang mengandungi “ilmu mantik, kalam dan istidlal” adalah untuk memperolehi ilmu yang benar tentang seluruh kewujudan dan juga penciptaan seperti yang didukung oleh tujuh kata kunci itu.

Oleh yang demikian, matlamat utama dalam pengajian dan pembelajaran bahasa bukan setakat mengetahui selok-belok binaan bahasa, bunyi dan ejaannya, perkataan dan kosa katanya, dan binaan ayat, klausa, dan frasanya sahaja, malah lebih daripada itu adalah untuk mempelajari bagaimana hendak menggunakan bahasa supaya tercapai ilmu yang benar. Ilmu yang benar ialah ilmu yang boleh membimbing manusia kepada pengenalan, pengecaman dan pengesahan kedudukan yang tepat dan wajar bagi segala benda dalam alam ciptaan ini, yang dengan demikian akan membawa kepada pengenalan dan pengiktirafan kepada kedudukan yang tepat dan wajar bagi Tuhan dalam penarafan kewujudan seluruhnya. Untuk mencapai matlamat inilah, maka Raja Ali Haji telah mengarang *Kitab Pengetahuan Bahasa* yang merupakan sebuah kamus besar yang menghuraikan makna secara terperinci bagi perkataan-perkataan yang biasa digunakan dalam bahasa Melayu, dengan memberi keutamaan kepada kata-kata kunci yang menjadi asas pembinaan konsep-konsep tentang sistem-sistem ontologi (*wujud*), kosmologi (*alam*) dan juga epistemologi (*ilmu*) Melayu Islam.

Penulisan kamus yang menghuraikan secara terperinci makna perkataan, terutama sekali istilah dan ungkapan yang merupakan kata kunci utama dalam pembentukan medan makna (*semantic field*) yang membentuk struktur pengkonsepsian Melayu Islam yang berdasarkan al-Quran dan al-Hadith, sebenarnya merupakan satu tradisi kesarjanaan Islam yang turun-temurun daripada zaman awal Islam lagi. S. M. Naquib al-Attas (1991) telah menyebut bahawa asas penghuraian, penilaian dan pensahihan makna perkataan dan ungkapan secara autentik dan autoritatif telah diterokai oleh seorang

sahabat Rasulullah SAW, iaitu Ibn Abbas r.a. dalam usaha mentafsir ayat-ayat al-Quran, iaitu:

“During his (Ibn Abbas’) times, the process of testing the authenticity of meaning, and establishing the highest authorities with respect to the words, meanings, grammar and the prosody of the classical Arabic language, was already under way, and by the second century after Hijrah, the methodological division into four groups designed to determine and establish authentic authorities on all aspects of the Arabic language, such as the jahili, mukhadram, Islmi and the muwallid, was completed. (Dalam hayat beliau (Ibn Abbas r.a.), usaha-usaha menguji kesahihan makna dan menubuhkan autoriti yang tertinggi terhadap perkataan, makna, nahu dan prosodi dalam bahasa Arab klasik sudah bermula, dan menjelang abad kedua Hijrah pembahagian perkaedahan kepada empat kumpulan, iaitu “jahili, mukhadram, Islami, muwallid”, untuk menentu dan menubuhkan autoriti dalam segala aspek bahasa Arab, telah tercapai)”

(Nota: terjemahan penulis)

Akibat daripada keperluan untuk membuat penelitian, pengkajian dan penghuraian tentang perkataan dan ungkapan daripada segi autoriti dan kesahihan maknanya, tegas S.M. Naquib al-Attas (Ibid), maka sebarisan sarjana bahasa Arab telah muncul untuk menghasilkan karya-karya tentang kajian perkataan, istilah dan kamus yang sesetengahnya mencapai 60 jilid tebalnya. Antara karya-karya yang disebut oleh S.M. Naquib al-Attas ialah *Kitan al-`Ain* oleh al-Khalil (meninggal 160 H), *Jamharah* oleh Ibn Duraid (meninggal 321 H), *Mujmal* oleh Ibn Fais (meninggal 390 H), *Sihah* al-Jauhari (meninggal 398 H), *Asas* oleh Zamakhsari (meninggal 538 H), *Lisan al-Arab* oleh Ibn Manzur (meninggal 711 H), *Qamus* dan *Lami`* oleh al-Fayruzabadi (meninggal 816 H), *Mughni* oleh Ibn Hisham (meninggal 716 H), *Taj al-Arus* oleh al-Zabidi (meninggal 1205 H), dan lain-lain lagi. Melalui huraian, pengesahan, penilaian, dan pensahihan makna perkataan dan ungkapan yang mendalam dan terperinci, maka bahasa Arab, mengikut S.M. Naquib al-Attas lagi, telah memperoleh ketepatan dan ketekalan daripada segi kemurnian dan kewibawaan maknanya, melalui tiga proses: (1) penubuhan struktur tatabahasanya yang didasarkan di atas sistem kata akar yang tepat dan tekal, (2) struktur semantik dikawal oleh sistem medan makna yang ditakrifkan secara tepat yang dapat menentukan struktur pengkonsepsian yang terdapat dalam kosa katanya yang juga ditetapkan secara tekal oleh kaedah (1) di atas, dan (3) perkataan, makna, tatabahasa dan prosodi telah dirakamkan secara ilmiah/saintifik supaya terjaga ketekalan maknanya. Dengan demikian,

bahasa Arab telah mencapai tahap kemurnian dan kewibawaan semantik yang boleh menyampaikan makna yang tepat dan jitu secara ilmiah, terutama sekali untuk menyampaikan makna kebenaran yang mutlak dan objektif.

Adalah sangat munasabah sekali, dengan melihat latar belakang pendidikan Raja Ali Haji, untuk mengatakan bahawa tujuan dan maksud beliau menyusun dua buah buku tentang pengajian bahasa Melayu ini adalah untuk memenuhi ketiga-tiga matlamat yang tersebut di atas yang berkaitan dengan bahasa Melayu sebagai bahasa Islam yang terulung di Asia Tenggara. Melalui dua buah karya yang tersebut di atas, Raja Ali Haji dapat mewujudkan penghuraian tentang bahasa Melayu yang tekal, ringkas, padat dan rapi daripada segi ejaan dan tatabahasanya, dan yang sah, berwibawa dan tekal daripada segi pemaknaan kosa kata dan ungunannya, iaitu diwakili oleh sistem medan makna yang diberikan takrif yang jelas dan tepat berdasarkan autoriti al-Quran dan al-Hadith. Sebagai contoh penghuraian beliau tentang erti perkataan “bahagia” ditunjangi oleh konsep medan makna yang dikaitkan dengan autoriti al-Quran dan al-Hadith, iaitu:

“*Bahagia* ini bermakna dengan makna untung dan buah, akan tetapi sungguhpun bermakna untung dan buah bukannya seperti makna untung dan buah orang yang jahil yang menyangka makna untung dan buah mendapat kekayaan dunia dan mendapat kebesaran dunia.... kerana menyertai untung dan buah (demikian) beberapa rugi dan celaka... iaitu berbangkitlah nafsu dan syahwah ni`mat kesenangan dan kemegahan... Syahadan nyatalah makna bahagia itu, iaitu negeri akhirat jua. Bermula buah itu, iaitu janji seorang yang tersebut azalnya, demikian lagi celaka demikian itu jua, seperti kata Sahib al-Jauhari (maksudnya) kemenanganlah orang yang bertuah itu kepada azalnya, demikian lagi orang yang celaka pada azalnya jua. ... Adalah dikehendaki buah, iaitu orang yang mati dalam imannya *husn al-khatimah* (penyudahan yang baik) dan jikalau terdahulu kafirnya sekalipun.... Janji celaka masuk neraka Jahanam, dan janji bertuah masuk syurga jua, seperti firman Allah (dalam al-Quran, maksudnya) “Bahawasanya yang orang berbuat kebajikan itu di dalam syurga, dan orang yang berbuat ma`siat itu di dalam neraka adanya”.

(*Kitab Pengetahuan Bahasa*, hal. 296-298)

Jelaslah pandangan Raja Ali Haji tentang pengajian, penggunaan dan pembelajaran bahasa Melayu berkait rapat dengan pandangan jagat atau *weltanschauung/worldview* beliau sebagai seorang Melayu Islam yang melihat hakikat kewujudan dan kejadian alam semesta dan manusia di dalam lingkungan kewujudan Tuhan yang wajib wujud, yang menjadi tempat pergantungan wujud bagi segala

wujud yang lain. Oleh itu pengajian, penggunaan dan pembelajaran bahasa Melayu seharusnya menjadi sebagai satu alat dan wahana yang membawa ke arah pengenalan, pengertian, pemahaman, pengucapan, pengungkapan, penyampaian, pemujaan, pemujian dan pengakuan terhadap Allah Tuhan yang wajib wujud, yang dengan itu akan membawa kepada keadilan, kebahagiaan dan keberuntungan di dunia dan juga di akhirat.

PANDANGAN BEBERAPA ORANG SARJANA TENTANG KARYA BAHASA RAJA ALI HAJI

Maksud dan matlamat tulisan Raja Ali Haji yang sedemikian tidak akan disedari dan difahami oleh para pengkaji yang berlatarbelakangkan tradisi kesarjanaan Barat yang kononnya bersikap objektif dan rasionalistik. Misalnya Teeuw (1961) menyatakan bahawa *Kitab Pengetahuan Bahasa* “... is rather a sort of unsystematic encyclopaedia (satu macam ensiklopedia yang tidak sistematik)”. Bahkan T. Iskandar dan Za`ba juga tidak dapat meletakkan karya-karya tentang bahasa Melayu oleh Raja Ali Haji itu pada tempatnya yang tepat dan wajar. Kata Za`ba (1940) tentang *Kitab Pengetahuan bahasa* “... (an) encyclopaedia of the author’s general knowledge, opinions and impressions, set forth under the words he professes to define (sebuah ensiklopedia tentang ilmu pengetahuan umum, pendapat dan pandangan pengarangnya yang diatur berdasarkan entri perkataan yang hendak ditakrifkannya)”. T. Iskandar pula berkata (1964) “*Kitab Pengetahuan Bahasa* (ialah) sejenis ensiklopedia yang mengandungi pengetahuan umum dan pendapat serta pandangan pengarang tentang kata-kata yang dimasukkan ke dalam buku ini”. Harimurti Kridalaksana (1983) walaupun lebih bersimpati terhadap kedua-dua karya Raja Ali Haji itu kerana menilainya di atas meritnya tersendiri, juga tidak dapat menyatakan bahawa tujuan dan maksud Raja Ali Haji dalam kedua-dua karya beliau itu merupakan penerusan dan kesinambungan tradisi kesarjanaan Islam dalam pengajian bahasa, seperti yang dinyatakan di atas.

Demikianlah, matlamat utama dalam pembelajaran bahasa bukan setakat untuk mengetahui selok-belok binaan bahasa, tentang sejarah dan perkembangannya, tetapi melebihi itu semua adalah untuk mempelajari bagaimana hendak menggunakan bahasa dengan betul supaya tercapai ilmu yang benar yang boleh membimbing manusia

kepada pengenalan, pengecaman dan pengesahan kedudukan yang tepat dan wajar bagi segala benda dalam penarafan penciptaan alam semesta ini, yang dengan itu akan membawa kepada pengenalan, pengesahan dan pengakuan akan kedudukan yang tepat dan wajar bagi Tuhan dalam martabat kewujudan seluruhnya.

KESAN DUA BUAH BUKU RAJA ALI HAJI TENTANG BAHASA MELAYU

Raja Ali Haji telah meletakkan dasar pembelajaran bahasa demikian secara bertulis dalam kedua-dua buah buku beliau itu, buat pertama kali dalam sejarah perkembangan tamadun Melayu Islam. Buku-buku beliau itu mengikut U.U.Hamidy (1981) telah diterima pakai sebagai teks rujukan dan pengajaran pada penghujung abad kesembilan belas dan awal abad kedua puluh di madrasah dan sekolah di Kepulauan Riau, Johor dan Singapura. Di sinilah letaknya nilai dan harga yang amat tinggi pada kedua-dua buah karya Raja Ali Haji tentang pengajian dan pembelajaran bahasa Melayu yang kini sudah amat jauh tersimpang daripada tradisi pengajian dan pembelajaran bahasa dalam Islam. Sesungguhnya menjadi satu malapetaka, satu bala, satu tragedi yang besar kepada orang Melayu Islam kini, apabila di dalam pengajian dan pembelajaran bahasa ibundanya, konsep-konsep utama yang menjadi asas pembentukan kefahamannya terhadap sistem kosmologi, ontologi dan epistemologinya yang benar dan tepat tidak dapat disampaikan lagi. Konsep adab yang sebenar sebagai satu kaedah disiplin yang membolehkan seseorang Melayu mengenali tertib kedudukan dirinya dalam masyarakat dan alam sekitarnya yang nyata yang ghaib dengan tepat dan wajar, tertib kedudukan ilmu, yang semua itu akan membawa kepada pengenalan dan pengakuan terhadap kedudukan Tuhan yang tertinggi dalam seluruh martabat kewujudan, hanya boleh disemai melalui pengajaran bahasa, ilmu dan adab yang telah diperturunkan kepada seluruh masyarakat Islam dari zaman permulaan Islam lagi, yang melalui dua buah karya itu, telah cuba disemai oleh tokoh Raja Ali Haji.

Namun, tidak dapat dinafikan bahawa akibat daripada latar belakang pendidikan Raja Ali Haji, dalam kedua-dua buah karya itu, seluruh huraian dalam bidang fonologi, morfologi dan sintaksis bahasa Melayu berdasarkan kaedah huraian dan konsep tatabahasa Arab; bahkan seluruh istilahnya dipinjam secara langsung daripada bahasa Arab.

Hakikat inilah yang menyebabkan Teeuw (1961), menegaskan bahawa karya itu merupakan “...*a distant offshoot of Arabic language study*”. T. Iskandar (1964/1987) mengulas bahawa karya Raja Ali Haji itu terdiri daripada dua bahagian, iaitu bahagian tentang penulisan bahasa Melayu yang mengikutnya agak berhasil, dan bahagian yang satu lagi tentang nahu bahasa Arab yang disesuaikan dengan bahasa Melayu yang dianggapnya tidak berhasil kerana “...ayat-ayat yang terdapat di dalamnya kaku seakan-akan ayat Arab dengan kata-kata Melayu”.

Mohd Taib Osman (1967/1987:158) sebaliknya tidak berapa selari dengan pendapat pengkaji Barat, misalnya Van Ronkel (1901) yang mengatakan bahawa *Bustan al-Katibin* sebenarnya bukanlah sebuah karya tentang nahu bahasa Melayu, bahkan merupakan penggunaan nahu Arab ke atas bahasa Melayu. Tegas Mohd Taib Osman (*Ibid*) “Adalah susah juga untuk mengatakan bahawa si pengarang telah cuba mengenakan nahu Arab ke dalam bahasa Melayu ataupun sebaliknya”. Namun Mohd Taib Osman tidak memberi alasan terhadap pendapat beliau itu. Sebaliknya beliau telah mengutarakan pendapatnya tentang kedudukan Raja Ali Haji sebagai pujangga Melayu bercorak klasik, elit istana yang mahir dalam bahasa Arab dan agama Islam, dan yang masih mempertahankan tradisi penulisan secara Melayu klasik dengan bahasa Melayu yang bukan Melayu tetapi bahasa Arab yang dimelayukan, dan dengan *paraphernalia* persuratan klasik seperti pendahuluan dengan *Bismillah*, kalimah-kalimah pujian kepada Allah dan selawat kepada Rasulullah SAW, seperti yang dikemukakan dalam *Bustan al-Katibin*.

Oleh kerana seperti yang dikatakan di atas, latar belakang pendidikan Raja Ali Haji ialah agama Islam dan bahasa Arab, maka tentu sekali karya beliau tentang bahasa Melayu ini yang merupakan usaha yang julung-julung kali dilakukan oleh seorang Melayu, diwarnai oleh konsep dan kaedah huraian tatabahasa Arab. Ciri-ciri demikianlah yang menyebabkan pengulas karya beliau itu memperkecilkan sumbangan beliau itu, sehingga Teeuw (1961) mengetepikannya sama sekali sebagai satu buku teks tatabahasa dan menegaskan ianya lebih banyak merupakan “...*an elaborated spelling text book...*” yang sebenarnya membayangkan kedangkalannya tentang tujuan kitab ini ditulis (seperti yang dinyatakan dalam bahagian Mukadimah), yang boleh disimpulkan kepada tiga perkara berikut:

- 1) Menyebarkan ilmu pengetahuan, iaitu tentang ilmu bacaan dan tulisan (istilah beliau ialah “*ilmu wa al-qalam*”) yang menjadi asas pembinaan akal dan adab kerana seperti kata beliau “...jikalau berapa pun bangsa itu jika tiada ilmu dan akal dan adab ke bawah juga jatuhnya...(dan) adab dan sopan itu daripada tutur kata (kemahiran bahasa) juga asalnya kemudian baharulah kepada kelakuan...”; untuk memenuhi tujuan ini Raja Ali Haji bukan sahaja menghuraikan kaedah ejaan Jawi, bentuk dan fungsi perkataan serta binaan sintaksis, tetapi juga tentang kaedah penulisan surat, pelbagai gaya dan wacana bahasa atau “*ushub*” dan sebagainya.
- 2) Memperbetul kesalahan-kesalahan dan penyelewengan yang dibuat oleh juru tulis yang tiada ilmu persuratan yang sempurna yang “...mendapat sedikit-sedikit daripada pekerjaan surat atau menyurat pada hal dapatnya itu dengan mendengar-dengarkan atau melihat-lihat sahaja dengan tiada petua daripada guru yang tahu dengan sebenarnya...”; kesalahan-kesalahan itu terutama sekali berlaku dalam ejaan Jawi dan juga penggunaan imbuhan dan pembentukan ayat.
- 3) Memenuhi permintaan masyarakatnya yang ingin belajar “*ilmu wa al-qalam*” ini seperti kata beliau “...sekadarkan daripada sangat hajatku atas sanak saudaraku yang mereka itu belajar dan mengajar surat menyurat dengan tiada suatu jalan dan pokok yang diambilnya kaedah, daripada atas sebab itulah jadi aku tawakal kepada Allah serta mengharap akan ampunnya maka aku perbuat juga kitab ini...”.

Beberapa perkara yang boleh dinyatakan tentang penghuraian beliau terhadap tatabahasa Melayu yang menggunakan kaedah tatabahasa Arab, iaitu:

- 1) Ilmu pengetahuan dan persuratan Melayu pada zaman Islam dan sebelum penjajahan Barat, seperti yang diketahui berkait rapat dengan agama Islam. Golongan inteligensia dan cendekiawan Melayu pada zaman itu juga merupakan ulama’ yang fasih dalam bahasa Arab seperti yang ada di Aceh, di Pasai, di Melaka, di Riau dan lain-lain. Oleh itu bagi Raja Ali Haji menjadi satu perkara yang lumrah dan biasa untuk mengaitkan kepandaian, keilmuan dan kebijaksanaan orang-orang Melayu dengan agama Islam dan juga dengan bahasa Arab yang menjadi bahasa pengantar al-Quran, al-Hadith dan kitab-kitab agama Islam yang lain. Dengan

sebab itulah *Bustan al-Katibin* yang menjadi teks pengajian bagi anak-anak yang belajar kemahiran menulis dan membaca dalam bahasa Melayu dan juga kamus *Kitab Pengetahuan Bahasa*, penuh dengan kutipan ayat-ayat al-Quran, al-Hadith dan juga ucapan-ucapan hukama’, ulama’ dan sebagainya dalam bahasa Arab yang diberikannya makna Melayunya. Orang-orang Barat dan juga orang-orang Timur yang terdidik melalui sistem dan cara berfikir Barat sama ada tidak memahami hakikat ini ataupun sengaja meremehkan nilai ilmu pengetahuan Islam dan bahasa Arab itu, terus melepaskan kritikan berdasarkan sudut pandangan dan latar belakang tamadun Barat bukan-Islam dan terus-menerus memperkecilkan sumbangan Raja Ali Haji ini.

- 2) Bagi Raja Ali Haji sebagai seorang yang mahir dalam bidang tatabahasa Arab, tentu sekali menjadi perkara yang lumrah baginya untuk menghuraikan bahasa Melayu berdasarkan teori dan kaedah huraian bahasa Arab, iaitu satu-satunya kaedah huraian bahasa yang diketahuinya, seperti halnya ahli-ahli bahasa Melayu separuh kedua Abad ke-20 ini, banyak menggunakan teori-teori tatabahasa Eropah misalnya teori tatabahasa tradisional oleh Za’ba, Alisjahbana dan lain-lain, teori tatabahasa struktural, tatabahasa tagmemik, tatabahasa transformasi-generatif, dan teori-teori bahasa Barat yang lain lagi misalnya yang menarik minat terbaru sekarang ini ialah teori analisis wacana. Jadi tidak adil sama sekali untuk mengkritik Raja Ali Haji di atas penggunaan teori tatabahasa Arab untuk menghurai tatabahasa Melayu. Namun hakikat ini tidaklah sepatutnya mengetepikan kelemahan beliau yang membuat ayat-ayat bahasa Melayu di atas acuan struktur ayat bahasa Arab yang memang sangat lumrah dilakukan oleh penulis-penulis pada zaman itu terutama sekali dalam wacana agama Islam. Dalam wacana penulisan sejarah seperti dalam buku *Tuhfat al-Nafis, Silsilah Melayu dan Bugis* dan syair-syairnya, Raja Ali Haji menggunakan bahasa Melayu dengan lancar dan fasih seperti yang tertera dalam petikan-petikan berikut:

“Alkisah maka tersebutlah Yang Dipertuan Muda Daeng Kemboja serta Raja Haji Kelana di dalam negeri Riau. Maka tiadalah lain perkataannya melainkan membesarkan perniagaan di dalam negeri Riau. Maka datanglah beberapa buah perahu dagangan dari jauh datanglah kapal-kapal dan kici-kici dari Benggala berpuluh-puluh buah, dan dari China datang pula wangkang-wangkang kepala hijau

dan kepala merah berpuluh-puluh buah, datang pula tobtob dari Siam membawa beras dan lainnya dan perahu Jawa demikian juga apa lagi perahu dari Bugis dan apa lagi perahu-perahu dari rantau-rantau, bercocok ikanlah di dalam Sungai Riau dari Kuala sampai ke Hulu Riau. Maka berpalu' -palu' lah dagangan Cina dengan dagangan Jawa dan demikian juga berpalu' dagangan Jawa dengan dagangan Riau seperti gambir. Maka banyaklah saudagar-saudagar Cina apa lagi Bugis banyaklah yang kaya-kaya. Maka pada masa itu banyaklah orang-orang kaya Riau."

(*Tuhfat al-Nafis* (1865), petikan Hasan Junus, 1988:181-182)

PENYEMAIAN ADAB DEMI MELAHIRKAN NILAI MORAL, ETIKA DAN AKHLAK MULIA

Demi melahirkan manusia Melayu yang berbudi bahasa, beradab sopan dan berbudi pekerti yang mulia, maka Raja Ali Haji dalam *Kitab Pengetahuan Bahasa* menghuraikan kaedah penyemaian adab dalam sembilan aspek pergaulan dan kegiatan hidup:

- 1) Adab kepada Allah SWT
- 2) Adab orang berilmu (para guru)
- 3) Adab menuntut ilmu (para murid)
- 4) Adab dengan ibu bapa
- 5) Adab dengan ahli keluarga dan khadam
- 6) Adab dengan sanak saudara dan sahabat handai
- 7) Adab dengan orang yang dikenali secara umum
- 8) Adab pembesar negeri yang hampir dengan raja
- 9) Adab pergaulan dalam majlis perhimpunan awam

ADAB KEPADA ALLAH SWT

Kita hendaklah menundukkan kepala, merendahkan diri, dan menghimpunkan himah kepada-Nya, dan mengekalkan diam dan mendiamkan segala anggota, dan menyegerakan mengerjakan suruhan-Nya dan menjauhi tegahan-Nya, dan sedikit berpaling daripada takdir-Nya. Dan hendaklah mengekalkan zikir dan melazimkan fikir akan kebesaran-Nya dan kemuliaan-Nya, dan melebihkan yang Haq dan putus asa, iaitu tidak mengharap daripada makhluk. Dan hendaklah merendahkan diri di bawah kehebatan-Nya, berpegang dengan tanggungjawabnya dan berpegang atas kelebihan Allah. Hal keadaan Allah hendaklah dikenali dengan sebaik-baik ikhtiar, dan takut akan azab-Nya dan harap akan rahmat-Nya sabarkan akan bala-Nya dan syukur akan ni`mat-Nya, dan memohon akan kelebihan-Nya dan jika dikurniakan-Nya, syukur, dan jika tiada dikurniakan-Nya, sabarlah kita akan hikmat-Nya

kerana Dia yang terlebih tahu yang patut bagi kita dan yang tiada patut bagi kita. Jangan marah dan susah, kerana Ia Tuhan yang amat murah dan yang amat mengasihani.

ADAB ORANG YANG BERILMU (para guru)

Jika kita memperoleh ilmu yang dikurniakan Allah Taala, adapun adabnya hendaklah kita melazimkan *hilm* (lemah lembut) yakni tiada pamarah dan menanggung barang yang disakiti oleh orang yang jahil-jahil, dan duduk dengan kelakuan yang hebat yakni jangan bergurau-gurau yang mengurangkan maruah sama ada perkataan atau kelakuan, dan meninggalkan takbur yakni membesarkan diri atas hamba Allah Taala melainkan kepada orang yang zalim kerana (untuk) mengherdik mereka itu. Dan melebihkan merendahkan diri pada perhimpunan majlis, dan meninggalkan berolok-olok dan bermain-main, dan lemah lembut dengan orang yang berguru kepada kita. Dan perlahan-lahan memasukkan ilmu dan ajaran kepada orang yang bodoh-bodoh, dan membaikkkan orang yang bodoh-bodoh dengan sebaik-baik nasihat dan pengajaran. Dan meninggalkan sifat pamarah kepada anak murid dengan perkataan yang kasar. Dan jangan malu mengata tiada tahu jika sebelum zahir jawapan masalah pertanyaan orang kepadanya. Dan menerima hujah dan menjunjung sesuatu yang sebenarnya dengan merujuk kepadanya, ketika tersalah. Dan menegah orang yang menuntut sesuatu ilmu yang memberi mudarat kepadanya. Dan hendaklah diberatkan muridnya dengan ilmu yang membawa takut kepada Allah Taala. Dan menegah murid mengaji yang sunat sebelum lagi selesai yang fardu. Dan dirinya (guru) hendaklah berperhiasan dengan ilmu, amal dan ibadat yang zahir dan yang batin supaya orang-orang ingin mengikutinya. Dan jangan sangat banyak bercampur-campur dengan raja-raja dan orang besar-besar, melainkan jika ada muslihat kerana membaiki agama Islam serta manfaat dan muslihat awam.

ADAB MENUNTUT ILMU (para murid)

Adapun adab menuntut ilmu hendaklah kita memberi salam mula berjumpa dengan guru, dan menyedikitkan perkataan kita di hadapan guru, dan jangan berkata-kata sebelum ditanya akan kita. Dan minta izin jika berhajat satu masalah

kepada guru. Dan jangan kita mengata “Si anu itu menyalahi seperti yang tuan sebutkan itu”, yakni maksudnya tidak mahu membenarkan perkataan guru itu. Dan jangan pula kita memberi isyarat atau teguran yang menyalahi guru, disebabkan sangkaan diri kita terlebih benar daripada guru. Dan jangan membanyakkan pertanyaan kita ketika guru pinta. Dan jangan kita bertanya guru sepanjang jalan, apabila sampai di rumahnya baru mengemukakan pertanyaan. Dan jangan kita buruk sangka terhadap guru dalam perbuatannya kerana mungkin pada zahir nampaknya mungkar tetapi pada batinnya betul, kerana guru terlebih tahu daripada segala rahsia, seperti yang berlaku kepada Nabi Allah Musa dengan Nabi Hidzir yang tersebut riwayatnya dalam Quran surah al-Kahfi.

ADAB DENGAN IBU BAPA

Adab dengan ibu bapa hendaklah anak itu mendengar dan mengikut apa-apa ajaran dan suruhan bapanya. Dan hendaklah berdiri ketika berdiri bapanya kerana hormat akan dia. Dan hendaklah anak itu menjunjung perintah bapanya, jika tidak taat maka derhakahlah ia. Dan jangan berjalan di hadapan bapanya dan jangan membesarkan suara di hadapan bapanya lebih daripada suaranya, dan menyahut dengan sebaik-baik sahut pada ketika ia menyeru akan dia. Dan bersungguh-sungguh dan loba-loba atas menuntut kesukaan bapanya. Dan hendaklah menghinakan diri kepada ibu bapanya dan jangan membangkit-bangkitkan kebajikan ia kepada bapanya. Dan jangan menilik atau memandang bapanya dengan pandangan kejahatan, dan jangan menjeling dan memalingkan mukanya daripada bapanya yakni tiada memandang bapanya. Dan jangan sekali-sekali pergi-pergiannya dengan tiada izin daripada bapanya.

ADAB DENGAN AHLI KELUARGA DAN KHADAM

Adapun adab dengan ahli keluarga kita sendiri, iaitu anak, isteri atau khadam kita, maka, iaitu hendaklah diadili akan nafkahnya; zahirnya dan batinnya, serta cukupkan daripada makan minumannya mana-mana yang beradat pada tempat itu. Demikian pula pakaiannya dan alat-alat persolekannya daripada pisau buang kukunya, dan cerminnya, dan cepu tempat perminyakkannya, dan segala alat perkakas,

pinggan mangkuknya mana-mana kadar kuasa kita dan kadar layaknya pada adat negeri itu. Serta menyukakan hatinya mana-mana tiada membawa maksiat kepada Allah Taala. Serta menyuruhkan dia sembahyang dan puasa dan lainnya atas taat yang fardu dan sunat. Serta ajar anak-anak kita ilmu fardu dan sunat, dan ajarkan dia ilmu adab. Dan jika kita uzur, sakit atau sibuk, maka hendaklah kita serahkan kepada guru yang mengajar Quran dan mengajar kitab. Dan hendaklah dilarangkan dia tidur tinggi hari, dan hendaklah dilarangkan dia daripada bercampur-campur dengan kanak-kanak yang bermain-main dan pergi-pergian tiada ketahuan atau dengan orang tua yang biasa berbuat maksiat. Dan laranglah dia daripada meminta-minta harta orang. Gemarkan dia memberi faedah dan sedekah kepada orang-orang fakir. Dan larangkan dia daripada memperbanyak perkataan yang tiada memberi faedah. Dan laranglah dia daripada berdusta-dusta jika dengan berolok-olok sekalipun. Demikian lagi larangkan dia daripada memungkiri janji. Dan biasakan dia hormat dan segan dan malu kepada segala orang tua-tua. Dan larangkan dia daripada berkata-kata dengan perkataan bersumpah-sumpah. Adapun khadam kita dan kawan kita, hendaklah kita adil, jangan dipukul dan bantai yang belum sampai salahnya. Dan jangan memukul sangat dan jangan ditanggungkan dia barang yang tiada tertanggung olehnya, seperti pikul-memikul yang berat. Dan jangan disakiti dan disuruh bekerja pada yang bukan-bukan waktunya dan bukan tanggungannya.

ADAB DENGAN SANAK-SAUDARA DAN SAHABAT HANDAI

Adapun adab dengan sanak saudara dan sahabat handai taulan itu, maka hendaklah kita dahulukan pengenalan kita baik-baik, kerana sanak saudara dan sahabat handai itu ada tiga macamnya, hendaklah kita ketahui sebaik-baiknya:

- i. Sanak saudara sahabat handai kerana akhirat yakni kerana pekerjaan akhirat, seperti berkasih-kasihannya kita dengan dia kerana Allah Taala bukannya kerana sesuatu, hanyalah kerana pekerjaan akhirat, seperti bertolong-tolongan pada menuntut ilmu dan pada berbuat amalan yang salih-salih serta membaikkannya perangai yang kecelaan. Beringat-ingatan daripada khilaf bebalnya antara kita dengan dia. Syahadan taulan ini dan sanak saudara ini tiada yang dipelihara melainkan berbaik-baik pada segi

- agama dan adab dengannya supaya berkekalan persaudaraan dan persahabatan daripada dunia sampai akhirat.
- ii. Saudara dan sahabat handai kerana pekerjaan dunia seperti bersekutu pada mengusahakan dunia pada pekerjaan mencari harta atau pada pekerjaan kerajaan atau pekerjaan berniaga dan lain-lainnya daripada pekerjaan dunia yang mudah hilangnya dan berganti-gantinya, dan tiada kita pelihara adabnya melainkan membaiki perangai kita sahaja sekira-kira jangan jadi berbantah dan berkelahi dengan dia kerana berkasih-kasihannya kita dengan dia seperti kasih sayang dunia juga yang sebentar hilangnya dan berganti-ganti. Dan tiadakah kita melihat beberapa yang sudah bersaudara dan sahabat handai pada bersekutu dan berkongsi pada pekerjaan berniaga dan pekerjaan kerajaan, dengan satu sebab yang sedikit jadi penceraian dan perbantahan, dan jadi berseteru. Tiada sebab yang lain hanyalah kerana mengikut pokoknya dan ibunya, ia itulah dunia yang segera akan hilangnya.
 - iii. Saudara dan sahabat taulan berkenal-kenalan sahaja, tiada kita bercampur pada pekerjaan akhirat atau dunia, maka itu kita pelihara sahajalah dan kita jaga sahajalah daripada kejahatannya dan fitnahnya supaya kita selamat daripadanya.
- Bermula apabila kita dapat taulan dan saudara seperti pada macam yang pertama itu maka alamat kita beruntunglah. Maka hendaklah kita pelihara akan segala haknya pula, iaitu:
- i. Hendaklah menolong dan membantu taulan itu walaupun dengan badan atau dengan harta jika ia kesempitan, meskipun tiada ia meminta tolong. Dan jika kita tiada kemampuan yang demikian itu, maka kita mencarilah bersungguh-sungguh segala asbab membantu akan taulan itu dengan segera yang mungkin.
 - ii. Hendaklah kita menyembunyikan rahsia taulan itu yang memalukannya atau mengakitkannya takut.
 - iii. Hendaklah menutup keaiban taulan dan elak daripada menyampaikan perkara yang dibenci kerana celaan manusia atasnya, dan menyampaikan perkara yang menyukakannya daripada pujian manusia atau lainnya.
 - iv. Hendaklah mendengar perkataan taulan ketika ia berkata-kata.
 - v. Hendaklah meninggalkan berbantah-bantah dengan taulannya.
 - vi. Hendaklah memanggil taulan dengan nama yang disukainya. Dan hendaklah syukur akan perbuatannya pada haknya.
 - vii. Hendaklah menyanggah orang yang mengata-ngatainya akan taulan dengan perkataan yang tiada patut.
 - viii. Hendaklah memberi nasihat akan taulannya dengan perkataan yang lemah lembut atau dengan berkiasan.
 - ix. Hendaklah memaafkan taulan barang yang khilaf bebalnya pada keadaan yang hak bagi dirinya.
 - x. Hendaklah tegurnya di atas kesalahannya jangan dibiarkannya.
 - xi. Hendaklah ia mendoakan bagi taulan pada tiap-tiap waktu lepas sembahyang lima waktu dan pada waktu bersunyi-sunyi.
 - xii. Hendaklah menyempurnakan janji dan mengelokkan dia serta ahlinya dan segala kerabatnya masa hidupnya dan sesudah matinya.
 - xiii. Hendaklah meringankan taulan dan jangan memberatinya dengan banyak hajat.
 - xiv. Hendaklah menzahirkan kesukaan apabila taulannya mendapat kebaikan dan hendaklah pula ia menzahirkan simpati apabila taulannya mendapat keburukan.
 - xv. Hendaklah segala perbuatan dengan taulan bersamaan pada zahir dan pada batinnya.
 - xvi. Hendaklah meluaskan tempat kedudukan bagi taulannya apabila datang kepada tempat yang bersempit-sempit.
 - xvii. Hendaklah menyambut taulan di pintu apabila datang ke rumah.
 - xviii. Hendaklah menghantar taulan pada ketika ia balik hingga ke pintu rumah sekurang-kurangnya.
 - xix. Hendaklah mengelak perbuatan melintangi tutur katanya sebelum selesai ia berkata-kata.

ADAB DENGAN ORANG YANG DIKENALI SECARA UMUM

Adapun adab pada orang yang dikenali secara umum sahaja seperti segala orang-orang awam Muslimin, iaitu ada beberapa pula adabnya. Setengah daripadanya jangan kita suka melihat kejahatan orang kerana bahawasanya tiada dapat akan kejahatan pada orang yang bukan taulannya.

Dan jaga-jaga daripada kejahatan orang kepada kita, atau kepada lainnya atau tipu dayanya kepada kita, yang kebanyakannya datangnya daripada pekerjaan daripada yang kuat menzahirkan kasih kepada kita ketika ia berhajat kepada kita. Dan jikalau boleh kita sedikitkan berkenal-kenalan dengan orang yang awam itu yang tiada kita ketahui halnya, kecualilah jika ada orang itu berakal dan berilmu pada zahirnya, maka iaitu tiada mengapa berkenal-kenalan dengan mereka itu jika ada mendapat faedah kepada dunia yang membawa kepada akhirat. Dan setengah daripadanya jangan kita memandangi orang-orang yang miskin atau fakir atau orang-orang yang kurang daripada kita pada sifatnya atau pada hartanya, dengan pandangan menghina-menghinakan mereka itu; jangan sekali-kali, kerana kita tiada tahu akan batinnya, mungkin mereka lebih daripada kita dalam sesuatu perkara.

Dan setengah daripadanya pula jangan sekali-kali besar pada hati kita pada tilik pandangan kita kepada orang besar-besar dan orang kaya-kaya itu atas dasar kebesarannya dan kekayaannya itu, istimewa pula orang ahli dunia. Dan manakala besar kepada hati kita segala orang yang tersebut itu, nescaya gugurlah pandangan Allah Taala kepada kita, kerana Allah Taala itu benci akan orang yang tamak akan kebesaran dan kekayaan orang lain. Dan jauhi memberikan mereka itu pengiktirafan dari segi agama, yakni melebihkan orang besar-besar dan orang kaya-kaya itu sebagai wajib bagi kita. Maka apabila kita perbuat yang demikian itu kerana hendak mendapat kebesaran dan kekayaan daripada mereka itu, nanti dijatuhkan Allah SWT pada hati mereka itu terhadap kita, iaitu keadaan kita itu ringan pada matanya dan hina kepada hatinya. Kemudian tertegallah barang yang ada pada mereka itu jatuh kepada tangan kita, kerana tamak itu tiada lain yang diwarisinya melainkan malu dan hina, dan tiada sampai maksudnya.

Dan sesetengah daripadanya jangan kita suka dipuji-puji orang dan jangan pula kita suka memuji-muji diri, kerana yang demikian itu menunjukkan orang yang kurang akal. Setengah daripadanya, jangan engkau hiraukan perbuatan seseorang dan jangan kita peduli akan hal ehwal orang-orang, melainkan jika perebutan yang terjebak dengan maksiat yang ditegah oleh syara', maka iaitu harus kita campur tangan, akan tetapi dengan cara lemah lembut serta nasihat yang patut, kerana kelakuan disebabkan kejahilannya atau bodohnya; jangan dengan perkataan yang kasar. Dan lagi jangan kita takut-takut dan gentar-gentar dan ngeri dan hebat daripada mengeluarkan perkataan yang hak yakni yang

sebenarnya. Dan perintahkan berbuat kebaikan kepada orang-orang berbuat zalim dan aniaya dan orang yang berbuat maksiat yang dizahirkan yang menghina-hinakan agama Islam, seperti memudah-mudahkan meninggalkan sembahyang fardu dan sembahyang Juma'at, dan memudah-mudahkan meninggalkan puasa dan mencela-cela orang yang berbuat ma'ruf, dan mencela-cela ulama' dan menyeterui akan mereka, dan menderhaka ibu bapa. Maka segala orang-orang tersebut itu janganlah gentar dan ngeri memberi nasihat akan mereka, kerana kita harap mudah-mudahan mereka mengikut. Jika tiada ia menurut maka lepaslah daripada bersubahat dengan mereka, kerana tiap-tiap orang yang mendiamkan diri setelah melihat yang mungkar, tiada ditegur, maka bersekutulah ia di dalam hal mereka. Dan jikalau ia kena bala, dimarahkan orang atau mati dibunuh orang dengan sebab ia berkhbar yang benar dan yang ma'ruf itu, nescaya adalah mati ia itu mati syahid.

ADAB PEMBESAR NEGERI YANG HAMPIR DENGAN RAJA

Apabila kita diberi Allah Taala bala hampir dengan raja-raja atau orang besar-besar, maka hendaklah kita bangsakan diri kita itu seolah-olah duduk di bawah mata pedang yang amat tajam, jika jatuh ia binasalah kita. Atau seumpama di dalam bahtera yang kena ribut, kadang-kadang binasa ia. Maka hendaklah kita menjaga diri kita itu dengan niat dan kelakuan yang baik. Adapun niat kita, hendaklah berniat hampir dengan raja-raja itu jadi manfaat kepada diri kita atau orang ramai. Serta dapat kita mengeluarkan raja itu daripada yang kelam jahil atau kelam zalim kepada terang ilmu dan terang adil, supaya segala hamba Allah jangan mendapat kesakitan daripada cukai dan dikenakan kerja yang bukan-bukan patutnya, dianiaya pada harta bendanya dengan diambil atau dipinta atau dihukum dengan yang bukan-bukan sebenarnya. Maka dengan sebab kita menghampiri kepada raja itu, boleh dapat tertegah segala yang tersebut itu. Maka ia itulah niat kita boleh harus hampir kepada raja-raja itu.

Adapun kelakuan kita hendaklah apabila raja telah menerima perkataan kita dan bicara kita, maka hendaklah kita jangan takbur dan megah dan sombong dan bongkak kepada segala orang-orang yang berserta kita atau yang jauh daripada kita. Serta jangan kita menyimpulkan dan dengan mengatakan semuanya orang itu bodoh atau jahat atau khianat, dan kita seoranglah yang cerdik dan yang betul.

Syahadan apabila ada hati kita yang demikian itu nescaya tanda Allah SWT murkalah kepada kita. Dan nanti dapatlah balasan takbur dan sombong dan bengah dan bongkak kita itu dengan segera jua atau dengan berlambatan, melainkan ghalib dapat balasannya sebelum matinya, iaitu cemeti Allah SWT yang tiada tampak itu. Hubaya-hubaya peliharalah hai orang yang hampir-hampir dengan raja-raja dan orang besar-besar itu akan rahsia ini.

Syahadan yang haknya itu mungkin dibesarkan oleh raja, mungkin kita tawaduk merendahkan diri kita kepada sanak saudara dan sahabat handai. Serta sifatkan diri kita itu boleh jadi seolah-olah khadam suruh-suruhan orang ramai yang hendak menyampaikan kepada raja sesuatu maksud dan hajat mereka.

Dan demikian lagi, jangan kita mengubah akan hal kita sebelum dan sesudah hampir kedudukan kita dengan raja sama ada dari segi pakaian atau kelakuan kita. Jika kita mengubah seperti demikian seolah-olah kita baru mendapat dan baru merasa kemuliaan dan kebesaran itu. Sebaliknya dilakukan mana-mana yang layak, yang patut pada kita dan kepada sanak saudara kita. Itulah yang diperbuat yang kita pakai. Dan setengah daripadanya lagi, jangan sekali-kali kita perbuat kelakuan kehendak kita dikatakan kehendak raja, dan kesukaan kita dikatakan kesukaan raja, dan benci kita dikatakan benci raja, dan marah kita dikatakan marah raja. Jika kita perbuat demikian itu seolah-olah kita menjual nama raja dan mencuri kemegahan raja. Akhir-akhir pekerjaan helah dan khianat itu nanti Allah SWT zahirkan juga.

Syahadan sayugianya hendaklah benar segala kelakuan serta memeriksa diri kita baik-baik apa yang kurang nyata kepada kita daripada pekerjaan kerajaan dan pekerjaan raja. Hendaklah tanya kepada sanak saudara kita dan sahabat handai taulan kita. Dan sangkakan dalam hati bahawa diri kita itu bodoh, nescaya dapatlah kita ilmu dan ajaran. Dan jika disangka diri kita cerdik dan berilmu, nescaya dapat keadaan kita seseorang dan dipencilkan.

ADAB PERGAULAN DALAM MAJLIS PERHIMPUNAN AWAM

Adab kita pada diri kita pada ketika berhimpun atau hadir bertemu berserta orang awam Muslimin maka hendaklah kita pandang dengan kesukaan baik seteru kita atau sahabat kita, jangan dengan menghinakan bagi keduanya, dan jangan pula hebat gerun akan keduanya. Dan lagi hendaklah

kita tetap tegak ketekunan kita, jangan takbur dan sebaliknya merendahkan diri, iaitu menghinakan diri kita sendiri. Adapun merendahkan diri itu, iaitu pada percakapan kita dengan orang-orang, tiada kita mengangkat diri kita seolah-olah orang lain itu bodoh, kurang bangsa atau kurang harta. Yang demikian itu jangan dilakukan, biarlah percakapan kita itu di bawah percakapan orang. Dan demikian lagi kelakuan kita biar pertengahan yang patut adat kita. Adapun menghinakan diri itu, iaitu yang bukan layak kita menghinakan diri apabila kita lebih tua daripada orang yang kita berhadapan atau bangsa pangkat yang sama juga dengan orang itu.

Syahadan, misalnya ketika hendak beratur duduk pada majlis jamuan menyuruhlah orang kurang umurnya daripada kita tadi naik ke tempat kita yang patutnya. Maka kita jadilah di sini, tiada mahu naik. Jadi kuranglah sedap orang yang muda daripada kita tadi kedudukannya. Maka jadilah kita bukannya merendahkan diri namanya, akan tetapi menghinakan diri bukan pada tempatnya. Apa lagi kalau menghina-hinakan diri kerana tamak akan harta orang. Maka, iaitu *tazallul* atau menghinakan bukan patut namanya. Ini cacatlah kepada agama.

Dan apabila kita duduk janganlah banyak berpaling-paling ke kiri dan ke kanan serta bergendang-gendang tangan kepada tikar atau dinding. Dan janganlah duduk mencangkung atau bersila panggung di hadapan orang yang patut kita hormati, jikalau kita menjadi orang besar sekalipun, kerana orang besar-besar itu orang yang memelihara adab dan adat. Dan jangan pula kita memancarkan jari kita dan bermain-main janggut kita dan bermain cincin kita. Dan jangan pula menyelat-nyelati gigi sambil dipermainkan. Dan jangan berkahak-kahak dan berludah dan memukul-mukul lalat pada muka kita. Dan jangan banyak menggeliat-geliat dan membanyakkan menguap dengan ternganga mulut di hadapan orang dengan bunyi "Ah!, ah!" dengan kuat-kuat suara. Dan jangan pula membanyak-banyakkan cakap, mengkhabarkan anak kita atau ahli-ahli kita pada pekerjaan yang ajaib-ajaib dan yang pelik-pelik. Dan jangan memberitahukan harta kita pada orang-orang banyaknya atau sedikitnya. Dan jangan pula kita bergurau-gurau terlampau-lampau amat dengan gundik-gundik kita dan kawan-kawan kita. Maka jadi gugur hebat malu dia kepada kita. Dan apabila kita dijemput oleh orang makan jamuan, jika tiada uzur hendaklah segera datang. Biarlah kita menanti orang jangan orang menanti kita. Jangan pula takbur jika orang yang kurang daripada kita atau orang fakir, tiada

suka kita datang. Dan jika orang kaya atau orang besar menjemput bersegeralah kita datang. Maka perangai yang demikian itu perangai orang takbur, membesarkan diri.

Dan apabila kita hadir pada jamuan hendaklah makan dengan beradab, iaitu berbasuh tangan dan berkumur-kumur jika kita makan sirih sebelumnya. Kemudian bacalah *Bismillah*, mulai daripada garam dan makanlah kita barang yang di hadapan kita. Dan jangan makan lauk-lauk di hadapan orang atau pada hidangan yang lain daripada hidangan kita. Dan jangan makan diasak-asakkan nasi itu atau lainnya penuh. Dan jangan pula berkata-kata waktu makanan penuh di dalam mulut. Dan kunyah-kunyah baik-baik dahulu kemudian baru telan. Dan jangan pula mencacat dan mencela seperti kata kita: Ini gulai kurang garam atau kurang asam atau lada, kerana perangai yang demikian itu ialah perangai orang yang *su' al-adab* (buruk adab). Dan jangan pula kita berbisik-bisik sesama orang yang dekat dengan kita pada hal orang yang jauh daripada kita tidak mendengar. Dan apabila selesai daripada makan, maka hendaklah kita minta izin kepada orang yang menjemput kita itu jika kita hendak pulang. Jangan serta merta habis makan, belum selesai orang-orang berkemaskan hidangan yang lepas makan itu, kita sudah turun. Maka yang demikian itu *su' al-adab*.

Bermula, apabila kita menjamu-jamu orang pula, iaitu apabila kita menyuruh menjemput orang, hendaklah kita pesankan kepadanya dengan kirim salam ta'zim (penghormatan) dahulu. Dan apabila datang orang jemputan itu hendaklah kita sambut pada pintu rumah kita, iaitu pada tangga. Dan jikalau tempat yang tiada berpintu dan bertanggung, hendaklah kita berdiri menegur orang datang itu dengan manis muka, menyuruh ia duduk pada mana-mana layak tempat kedudukannya. Dan apabila makan orang jemputan kita itu, hendaklah kita makan bersama-sama. Akan tetapi duduklah kita pada tempat yang terkebawah sekali kerana kita memuliakan majlis jamuan. Serta pandang dan lihat baik-baik apa-apa yang kurang lauk pada ketika tengah makan itu. Jika ada kita mintalah tambahannya. Selalu-lalu mengatakan: Makanlah abang atau adik atau tuan. Janganlah malu-malu dan segan, buatlah seperti rumah sendiri jua. Dan apabila selesai daripada makan jika orang jemputan itu berdiri hendak pulang, kita pun berdirilah pula, membesarkan dia, dan menghantar dia hingga ke tangga atau mana-mana layaknya. Dan lagi, selagi ada orang-orang jemputan di dalam rumah kita maka jangan kita marahkan kawan pembantu kita dengan memaki dan

memukul. Maka pekerjaan yang demikian itu kurang adab kepada majlis jamuan orang yang mulia-mulia.

Demikianlah huraian Raja Ali Haji tentang kaedah dan proses penyemaian adab dalam masyarakat Melayu tradisional nukilan daripada kitab-kitab karangan ulama muktabar Islam terutamanya Imam al-Ghazali, yang telah mampu melahirkan manusia Melayu tradisional yang budiman; baik budi bahasanya, tinggi budi pekerti dan akal budinya, dan mulia adab sopannya.

Namun, dengan kedatangan penjajah Barat yang menakluki kebanyakan negara-negara Islam, maka melalui pengaruh politik dan kebudayaan kolonial, sistem pendidikan sekular Barat yang menyisihkan pengajaran agama, moral, etika dan akhlak daripada kurikulumnya, telah menular dalam seluruh sistem persekolahan dan pendidikan dalam negara-negara Islam. Senario demikian berterusan walaupun sesudah negara-negara itu mencapai kemerdekaan, iaitu melalui hegemoni kebudayaan dan ekonomi Barat yang mencengkam hati budi pemimpin dan rakyat di negara-negara itu. Suasana ini diburukkan oleh fenomena pengaliran belia-belia Islam ke Barat untuk mendapatkan pendidikan sains dan teknologi yang juga bersifat sekular di institusi-institusi pengajian tinggi, dan apabila kembali ke tanah air menjawat jawatan tinggi dalam sektor awam dan swasta, yang memperkukuhkan lagi nilai kehidupan sekular yang menyisihkan pendidikan moral, etika, akhlak, dan nilai-nilai agama dalam masyarakat. Suasana demikianlah di samping yang lain lagi, telah menimbulkan gejala sosial yang parah seperti yang diuraikan di dalam petikan di bawah.

Penulis pernah menegaskan gejala sosial yang parah seperti berikut:

“Akibatnya, kebanyakan orang Islam moden kini mengalami suasana kehilangan adab dan nilai etika, yang menyebabkan banyak masalah moral, etika dan kelakuan tidak beradab yang dialami oleh masyarakat Barat, sedang diamalkan oleh orang Islam di negara mereka sendiri, misalnya sifat individualisme/egoisme yang mementingkan diri sendiri, keegoan, angkuh, hidung tinggi dan licik dalam pergaulan, bergaya dan menunjuk-nunjuk, mengejar pangkat, tidak peduli dan kedekut terhadap orang lain, pandang rendah dan tiada hormat kepada golongan bawahan, tamak haloba, dendam, dan lain-lain yang membayangkan manusia yang materialistik, terpengaruh dengan hidup di bandar yang serba pantas, tidak mesra, berpusatkan konsumerisme, hubungan berasaskan kelab eksklusif, dan sebagainya, yang di Malaysia dilambangkan oleh golongan kelas menengah dengan fenomena ‘*nouveau riche*’ (orang kaya baru)”³

(Hashim Hj. Musa, 2004b: 23-24)

KESIMPULAN

Sesungguhnya jika ulasan dan kritikan terhadap karya Raja Ali Haji ini dilihat daripada sudut zaman dan masyarakatnya serta daripada sudut keseluruhan sumbangan beliau sendiri, tentu sekali akan menjadi lebih saksama dan seimbang seperti yang dilakukan oleh Harimurti Kridalaksana (1979, 1982, 1983), U.U. Hamidy (1981) dan yang terbaharu Hasan Junus (1988) dan Hashim Hj. Musa (2005:137-156).

Bahkan kesan tulisan-tulisan Raja Ali Haji tentang bahasa Melayu ini terutama sekali *Bustan al-Katibin*, ke atas masyarakat Melayu Riau-Lingga, tentunya amat besar sekali. U. U. Hamidy (1981:45) menegaskan bahawa "...pada dasarnya buku *Bustan al-Kitibin* adalah tatabahasa standard (normatif) untuk bahasa Melayu Riau. Buku ini dipakai pada sekolah-sekolah kerajaan di Riau dan Singapura." Kemungkinan besar hasil daripada asuhan yang berasaskan buku-buku teks bahasa dan persuratan Melayu ini dan juga buku-buku lain karangan Raja Ali Haji dan pengarang-pengarang yang lain lagi, maka telah lahirlah sebarisan para penulis dan cendekiawan Riau-Lingga.

Seterusnya, seperti yang disebut oleh U.U.Hamidy (1981:16) atas daya usaha Raja Muhammad Yusoff al-Ahmadi Yang Dipertuan Muda Riau ke-10 (1858-1899), tertubuh pula sebuah perpustakaan yang kemudiannya dinamakan Kutub Khanah Marhum, yang memuatkan buku-buku yang dibeli daripada Kaherah dan juga India. Dalam zaman pemerintahan Raja Muhammad Yusoff juga telah tertubuh Rushdiah Club kira-kira pada tahun 1892, sebagai sebuah badan cendekiawan dan juga persuratan yang bergiat dalam politik, agama dan kebudayaan dengan dua orang tokoh utamanya Raja Ali Kelana dan Raja Khalid Hitam (U.U. Hamidy; Ibid:15-16). Untuk menerbitkan hasil tulisan anggota Rushdiah Club itu dan juga untuk penyebarannya ke seluruh Kepulauan Riau, maka ditubuhkan di Pulau Penyengat, Badan Percetakan Matba'ah al-Riauwyah/al-Ahmadiyah sekitar tahun 1894 yang kemudiannya diteruskan oleh al-Ahmadiyah Press yang ditubuhkan di Singapura pada tahun 1920. *Kitab Pengetahuan Bahasa* telah diterbitkan oleh al-Ahmadiyah Press pada tahun 1929.

Demikianlah besarnya peranan kegiatan persuratan dan keintelektualan Raja Ali Haji dalam proses pertumbuhan Riau sebagai pusat kebudayaan dan persuratan Melayu dalam abad ke-19 M. Bahkan kemunculan persuratan Melayu moden pada awal abad kedua puluh dicetuskan oleh tradisi persuratan

Riau dengan penulis-penulis awalnya seperti Syed Sheikh al-Hadi dan Syeikh Tahir Jalaluddin dikaitkan secara langsung dengan pusat persuratan Riau.

NOTA

- 1 Hashim bin Musa (Ph.D, Profesor Emeritus) ialah Sarjana Tamu di Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), mengkhusus dalam bidang teori tatabahasa, falsafah bahasa, sosiolinguistik, epigrafi Melayu dan manuskrip Jawi. Beliau merupakan bekas Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).
- 2 Rozita binti Che Rodi (Ph.D) ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, mengkhusus dalam bidang semantik, budaya dan pemikiran peradaban Melayu. Kini, beliau sedang mengikuti kursus Pasca Doktorat di School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London, United Kingdom dengan tumpuan kajian "*Nurud'din ar-Raniri's Bustanus Salatin Pertaining to His Counsel to the Sultan of Aceh*".
- 3 "*Consequently majority of the modern Muslims suffered from "the loss of adab or ethical values", and as a result many ethical and moral problems and "inhumane" behaviour faced by the West are being "progressively adopted" in the homeland, e. g. self-centered individualism and egoism; selfish, calculating and aloofness in social interaction; ostentatious, status seekers and status consciousness; uncaring, lack of empathy and condescending towards those of lower status, greed, avarice, vindictiveness, and etc. typifying material-centered, urbanized living, consumer-oriented economy, peer-club groupings and etc. which in Malaysia took the form of the so-called the "new middle class" and the "nouveau riche" phenomenon.*" (Hashim Hj. Musa, 2004: 23-24).

RUJUKAN

- Ali Haji, Raja. 1267H/1850M. *Kitab Bustan al-Katibin li-Sibyan al-Muta'allimin*, naskhah manuskrip dalam bentuk salinan foto berasaskan mikrofilem Universiti Malaya (M/F 1668), berdasarkan naskhah koleksi Klinkert 107 Leiden University.
- Ali Haji, Raja. 1274H/1858M. *Kitab Bustan al-Katibin li-Sibyan al-Muta'allimin*, naskhah cetakan litograf di Perpustakaan School of Oriental and African Studies, University of London.
- Anwar Moch., H. 1990. *Matan Alfiah Ibn Malik*. Bandung: Pt. al-Ma'arif.
- Al-Attas, S. M. Naquib. 1991. *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Cik Putih Ismail. 1980. *Bibliografi Tatabahasa Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.

- Cowan, David. 1970. *Modern Literary Arabic*. London: Cambridge University Press.
- Gurindam Dua Belas*, <http://www.rajaalihaji.com/en/works.php?a=OS9nL3e%3D>, dicapai pada 3.12.2013.
- Hamidy, U. U. 1981. *Riau Sebagai Pusat Bahasa dan Kebudayaan Melayu*. Pekanbaru: Bumi Pustaka.
- Harimurti Kridalaksana. 1979. *Suatu Rintisan Historiografi Linguistik Indonesia*. Yogyakarta.
- Harimurti Kridalaksana. 1982. *Bunga Rampai Sejarah Studi Bahasa Indonesia*, Jakarta: Fakultas Sastra Universitas Indonesia.
- Harimurti Kridalaksana. 1983. "Bustanul Katibin dan Kitab Pengetahuan Bahasa - Sumbangan Raja Ali Haji dalam Ilmu Bahasa Melayu", kertas kerja Hari Sastra Johor.
- Hasan Junus. 1988. *Raja Ali Haji - Budayawan di Gerbang Abad XX*. Pekanbaru: Universitas Islam Riau.
- Hashim Hj. Musa. 2004. *Encountering the Globalizing West*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Hashim Hj. Musa. 2005. *Karya Agung Bustan al-Katibin Karangan Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Hashim Hj. Musa. 2010. *Karya Agung Kitab Pengetahuan Bahasa Karangan Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Hashim Hj. Musa. 2004. *Encountering the Globalizing West*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Idris Abdul Raof al-Marbawi, Muhammad. 1350H/1931M. *Kamus al-Marbawi*. Kaherah: Matba'ah Mustafa al-Babi.
- Iskandar, T. 1964. Raja Ali Haji Tokoh dari Pusat Kebudayaan Riau Johor, *Jurnal Dewan Bahasa* 7:12, dalam *Tokoh-Tokoh Sastra Melayu Klasik*. (ed.) Muhamad Daud Muhamad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1987.
- Mohd Taib Osman. 1967. Raja Ali Haji of Riau: A Figure of Transition or The Last of The Classical Pujanggas?, *Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur, dalam *Tokoh-Tokoh Sastra Melayu Klasik*. (ed.) Muhamad Daud Muhamad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1987.
- Ronkel, Ph. S. Van. 1901. "De Maleische Schriftleer en Spraak-kunst Gestitled Boestanoë'l Katibina", *Tijdschrift voor Indische Taal-, Land-en Volkenkunde uitgegeven door het Koninklijk Bataviaasch Genootschap van Kunsten en Wetenschappen*. (TBG). 44:498-523.
- Teeuw, A. 1961. *A Critical Survey of Studies in Malay and Bahasa Indonesia*, S'-Gravenhage - Martinus Nijhoff.
- Wall, H. von de. 1870. "Boekbeoordeeling: Kitab perkeboenan djoeroetoelis bagi kanak-kanak jang hendak berladjar akan dija". *TBG*. 19:565-74.
- Za'ba. 1940. "Modern Development". *JMBRAS*. Jil. XVII.

Hashim bin Musa, Ph.D. (Profesor Emeritus)

Sarjana Tamu

Jabatan Bahasa Melayu,

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang, Selangor

Malaysia.

Tel: +603-8946 8937

Hp: +6012-218 0884

E-mail: hashim10m@hotmail.com

Rozita binti Che Rodi, Ph.D.

Pensyarah Kanan

Jabatan Bahasa Melayu

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang, Selangor

Malaysia.

Tel: +603-8946 8485

Hp: +6013-775 1606

E-mail: ita_cherodi@upm.edu.my

Diserahkan: 2 Februari 2017

Diterima: 18 April 2017